



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR**

SAMBUTAN HARI OZON SEDUNIA 2022 PERINGKAT KEBANGSAAN

1. Saya telah merasmikan Sambutan Hari Ozon Sedunia 2022 Peringkat Kebangsaan dengan tema “*Montreal Protocol@35 – Global Cooperation Protecting Life on Earth*” yang diadakan di Gamuda Cove, Dengkil, Selangor. Tema tahun ini adalah isyarat bahawa Protokol Montreal telah memberikan sumbangan penting dalam melindungi lapisan ozon dan menangani perubahan iklim.
2. Malaysia telah meratifikasi Konvensyen Vienna bagi Perlindungan Lapisan Ozon dan Protokol Montreal mengenai Bahan Pemusnah Lapisan Ozon pada 29 Ogos 1989. Sejak itu, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memastikan pengurangan penggunaan bahan pemusnah ozon bagi melindungi lapisan ozon. Selaras dengan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Malaysia bersama semua negara parti kepada Protokol Montreal, lapisan ozon dijangka pulih sepenuhnya pada tahun 2060.
3. Aktiviti manusia seperti perindustrian, pertanian, perlombongan dan pengangkutan menyebabkan karbon dioksida dilepaskan ke atmosfera bumi yang secara tidak langsung mengakibatkan perubahan iklim dunia. Menyedari perkara ini, Malaysia telah meratifikasi Pindaan Kigali kepada Protokol Montreal pada 21 Oktober 2020, yang bertujuan untuk mengurangkan penggunaan hidro-fluoro-karbon (HFC) iaitu gas rumah kaca yang mempunyai potensi pemanasan global yang tinggi.
4. Pelaksanaan Pindaan Kigali ini dijangka akan dapat mengurangkan pelepasan 105 juta tan karbon dioksida setara, manakala suhu global pula dapat dikurangkan sebanyak 0.5°C pada tahun 2100.
5. Bagi memantapkan pendidikan dan kesedaran di peringkat sekolah, JAS dengan kerjasama strategik Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah berjaya mentauliah 11 Kolej Vokasional sebagai Pusat Latihan Bertauliah bagi melaksanakan program Pensijilan Juruteknik Servis penyaman udara. Tenaga pengajar daripada Kolej Vokasional juga telah dilatih dan diuji sebagai *Master Trainer* untuk melatih juruteknik servis yang berwibawa bagi mengendalikan refrigeran kelengkapan penyejukan dan peralatan penyaman udara. Dengan ini, juruteknik akan mempunyai kemahiran dan pengetahuan dalam pengurusan

refrigeran yang menyumbang kepada perlindungan lapisan ozon.

6. Sempena Sambutan Hari Ozon Sedunia 2022 Peringkat Kebangsaan pada hari ini, pelbagai aktiviti menarik telah diadakan seperti *Walk for Ozone*, pertandingan mewarna dan permainan *Snakes and Ladder* untuk kanak-kanak serta *Treasure Hunt*. Selain itu, program *Roadshow Ozone2Climate Technologies in Refrigeration and Air Conditioning Sector*, pelbagai program promosi dan kesedaran yang turut melibatkan JAS Negeri akan diadakan sepanjang bulan September dan Oktober ini, yang juga sebagai persediaan sambutan Hari Alam Sekitar Negara yang akan diadakan pada 22 Oktober 2022 nanti.
7. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua agensi dan pihak berkepentingan yang terlibat dalam menjayakan pelaksanaan Protokol Montreal di Malaysia. KASA juga amat menghargai kerjasama erat daripada rakan-rakan strategik Sambutan Hari Ozon Sedunia 2022 iaitu Daikin Malaysia, Panasonic Air Conditioning Malaysia, Proton, Dagang Net Technologies Sdn Bhd, Hyundai-Sime Darby Motors Sdn Bhd, Tri Ecoedge Sdn Bhd dan Gamuda Land sebagai penyedia lokasi program hari ini.

- Tamat -

YB Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man

Menteri Alam Sekitar dan Air

24 September 2022